

UMNO tak halang Dr. M

GERIK 5 Ogos - U M N O tidak akan menghalang Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelajah ke seluruh negara walaupun beliau terus mengkritik kepimpinan sekarang dalam setiap ceramah.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) U M N O, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, ini kerana U M N O sedia menjawab setiap persoalan yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Beliau juga memberi jaminan dalam keadaan sekarang, U M N O tetap tidak hilang tumpuan terhadap tanggungjawab memperjuangkan agenda parti dan rakyat.

"Biarkan dia bercakap dalam *road show*nya. Lambat-laun rakyat pun akan faham dan sedar sendiri situasi sebenar,"

katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri U M N O Bahagian Gerik di Pengkalan Hulu di sini, hari ini.

Bagaimanapun kata beliau, kini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah pemimpin dan menjadi tanggungjawab seluruh ahli parti memberikan sepenuh sokongan.

Beliau berkata, U M N O sekarang tetap memperjuangkan agenda parti dan bukan membela individu.

"Kita yang memberi 'roh' kepada U M N O dan Pak Lah pula tunggak kekukuhan parti. Jika sesuatu berlaku kepada Pak Lah maka sesuatu itu juga berlaku kepada U M N O," katanya.